

10/09/1999

Razaleigh ucap terima kasih

KUALA TERENGGANU, Khamis - Ketua Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, berterima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno kerana memilihnya menganggotai badan tertinggi Umno itu.

Katanya, beliau tidak tahu pemilihan berkenaan dan hanya mengetahuinya melalui akhbar. Beliau menerima pelantikan itu dengan penuh rasa tanggungjawab.

"Ini juga satu penghormatan kepada Umno Kelantan kerana saya menjadi ketua Umno negeri itu sekarang," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan Umno bahagian Kuala Terengganu, di sini petang ini.

Katanya, dengan pelantikan itu juga beliau dapat membincangkan lebih banyak hal, terutama mengenai Kelantan.

Tengku Razaleigh berkata, beliau seorang tidak boleh berbuat apa-apa dalam MT, kecuali dengan kerjasama semua pihak.

Mengenai permintaan Setiausaha Politik Menteri Besar Kelantan, Husam Musa, supaya beliau mempengaruhi Kerajaan Pusat menyelesaikan hutang negeri itu, Tengku Razaleigh berkata: "Mudah saja serahkan negeri itu kepada Barisan Nasional (BN)."

(END)